

## Nombor-nombor Telefon yang Penting

|                        |             |
|------------------------|-------------|
| WCC                    | 04-228 0342 |
| Jabatan Bantuan Guaman | 04-210 9100 |
| Pusat Bantuan Guaman   | 04-261 7451 |

### JABATAN POLIS

|                              |             |
|------------------------------|-------------|
| • Pulau Pinang (Ibu Pejabat) | 04-222 1522 |
| • Timur Laut                 | 04-218 1822 |
| • Barat Daya                 | 04-866 2222 |
| • Seberang Perai Utara       | 04-576 2222 |
| • Seberang Perai Tengah      | 04-538 2222 |
| • Seberang Perai Selatan     | 04-585 8222 |

### BALAI POLIS

|                  |             |
|------------------|-------------|
| • Dato' Keramat  | 04-227 1422 |
| • Jalan Patani   | 04-218 1844 |
| • Kampung Baru   | 04-828 8522 |
| • Pulau Tikus    | 04-228 0422 |
| • Air Itam       | 04-826 8522 |
| • Bandar Baru    | 04-828 4522 |
| • Bukit Bendera  | 04-829 9422 |
| • Batu Feringghi | 04-881 1434 |
| • Tanjung Tokong | 04-890 3444 |
| • Sungai Nibong  | 04-643 0222 |
| • Jelutong       | 04-282 5922 |

### HOSPITAL

#### JABATAN KEMALANGAN DAN KECEMASAN

|                           |             |
|---------------------------|-------------|
| • Hospital Pulau Pinang   | 04-222 5333 |
| • Hospital Seberang Jaya  | 04-382 7333 |
| • Hospital Balik Pulau    | 04-866 9333 |
| • Hospital Bukit Mertajam | 04-549 7333 |
| • Hospital Sungai Bakap   | 04-582 4333 |

### PEJABAT KEBAJIKAN

#### JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

|                       |             |
|-----------------------|-------------|
| • KOMTAR              | 04-650 5258 |
| • Timur Laut          | 04-226 4531 |
| • Balik Pulau         | 04-866 8442 |
| • Bukit Mertajam      | 04-538 2584 |
| • Butterworth         | 04-575 8715 |
| • Jawi / Nibong Tebal | 04-582 1798 |

**Kami sedia membantu**



**Memberi tempat perlindungan yang selamat kepada anda dan anak-anak anda**

**Menyediakan khidmat kaunseling dan nasihat guaman**

**Membantu anda mendapatkan IPO**

**Perkhidmatan adalah percuma dan kerahsiaan perhubungan di utamakan!**



241, Jalan Burma, 10350 Pulau Pinang.  
Tel: 04-228 0342 / 011-3108 4001  
04-398 8340 / 016-439 0698  
E-mel: wcc@wccpenang.org  
Laman Web: www.wccpenang.org

# AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA

**KESELAMATAN  
ADALAH  
HAK  
ANDA**

**Tiada Siapa Patut Dianiayai**

Women's Centre for Change (WCC)  
241, Jalan Burma, 10350 Pulau Pinang

Tel: 04-228 0342  
011-3108 4001

E-mel: wcc@wccpenang.org  
Laman Web: www.wccpenang.org

**Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW)**  
13, Lorong Sutera 6, Taman Sutera,  
13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang.  
Te: 04-398 8340 / 016-439 0698  
E-mel: ppw@wccpenang.org



MMK Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Komuniti

### Apakah keganasan rumah tangga?

Keganasan rumah tangga adalah keganasan yang dilakukan ke atas anda oleh ahli keluarga anda sendiri. Keganasan ini termasuklah menampar, menendang, mencekik, menghantuk kepala anda ke dinding, mengadakan hubungan seks secara paksa atau menyebabkan anda hilang harga diri, bodoh dan berasa tidak berguna.

**K**eganasan rumah tangga adalah perkara biasa. Ia selalunya dilakukan oleh lelaki ke atas wanita dan kanak-kanak, tetapi ia juga boleh berlaku kepada sesiapa sahaja. Orang yang melakukan keganasan ini cuba menguasai mangsanya. **Tidak ada sesiapa pun yang harus dianiayai. Keganasan rumah tangga adalah salah.**

### Apakah Akta Keganasan Rumah Tangga?

Akta Keganasan Rumah Tangga diluluskan pada tahun 1994. Akta Keganasan Rumah Tangga mengenal-pasti keganasan yang berlaku dalam sebuah rumah tangga sebagai masalah sosial yang serius dan mesti ditangani. **Keganasan rumah tangga bukan satu masalah peribadi keluarga.**

Akta Keganasan Rumah Tangga melindungi ahli keluarga terdekat, termasuklah isteri atau suami, bekas isteri atau suami, kanak-kanak (termasuk anak angkat), orang-orang dewasa yang tak berkeupayaan (sama ada mental ataupun fizikal), dan mana-mana anggota keluarga yang lain. Akta Keganasan Rumah Tangga melindungi semua orang, termasuk juga yang beragama Islam.

### Apakah jenis-jenis keganasan yang dilindungi oleh Akta Keganasan Rumah Tangga?

Keganasan rumah tangga berlaku dalam pelbagai bentuk termasuk penderaan fizikal, psikologikal, emosi, mengurung anda atau memaksa membuat sesuatu bertentangan dengan kehendak anda.

### Bagaimana Akta Keganasan Rumah Tangga boleh menolong anda?

Anda boleh membuat aduan keganasan rumah tangga. Jika anda tidak lagi berasa selamat di rumah, anda dan anak-anak anda boleh mendapatkan perlindungan di WWVC. Jika anda perlu mengambil barang-barang anda, pegawai polis boleh menemani anda balik ke rumah.

**A**nda boleh juga mendapatkan bantuan mahkamah. Mahkamah akan mengeluarkan Perintah Perlindungan Sementara (Interim Protection Order- IPO) bagi melindungi anda dari keganasan seterusnya. Jika anda sedang menjaga seorang mangsa keganasan (umpamanya kanak-kanak, ataupun orang-orang kurang upaya), anda boleh memohon IPO untuk mereka. Sekiranya pesalah melanggar IPO ini maka dia boleh dikenakan hukuman oleh mahkamah.

### Bagaimana anda boleh mendapat Perintah Perlindungan Sementara (IPO)?

#### RAWATAN PERUBATAN

Jika anda tercedera, pergilah ke Jabatan Kecemasan dan Kemalangan hospital kerajaan yang berhampiran. Dapatkan nombor laporan perubatan anda.

#### POLIS

Laporkan keganasan rumah tangga di mana-mana balai polis dan pastikan anda dapatkan nombor dan salinan repot sekali. Jika anda dan anak-anak berada dalam keadaan bahaya, beritahu anggota polis yang anda perlukan IPO. Pihak polis akan membantu anda mendapatkan IPO dan merujuk anda kepada pejabat kebajikan masyarakat. Pegawai siasatan (I.O.) akan menyiasat kes anda. Pastikan anda tahu nama I.O. dan nombor telefon bimbitnya.

#### PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT

Pegawai kebajikan masyarakat akan membantu anda mendapatkan IPO melalui mahkamah. Anda perlu dapatkan surat rujukan IPO dari I.O. dan pergi ke pejabat kebajikan masyarakat. Jika anda khuatir keganasan akan terus berlaku, anda boleh meminta pegawai kebajikan masyarakat untuk memohon perintah tangkap (power of arrest) dimasukkan dalam IPO.

#### MAHKAMAH

Pegawai kebajikan masyarakat akan bertemu anda di Mahkamah Majistret di mana perintah IPO akan dikeluarkan.

Mahkamah mungkin menyoal anda mengenai keganasan yang berlaku. Mahkamah akan mengeluarkan perintah IPO jika ia berpendapat anda memerlukan perlindungan. Laporkan apa-apa pelanggaran perintah IPO kepada pihak polis dan pegawai kebajikan masyarakat dengan segera. Pesalah akan didakwa kerana melanggar perintah IPO.

### Apa yang akan terjadi seterusnya?

IPO hanya berkuatkuasa sehingga siasatan selesai. Sebaik sahaja siasatan tamat, IPO akan luput.

**J**ika pesalah didakwa, anda boleh memohon Perintah Perlindungan (Protection Order - PO). PO memberi lebih banyak lagi perlindungan ke atas diri anda jika dibandingkan dengan IPO kerana mahkamah boleh mengeluarkan perintah-perintah sampingan. Contohnya, PO memberi hak kepada anda untuk tinggal di rumah tanpa pesalah, mengarah pesalah supaya tidak mendekati rumah, tempat kerja atau sekolah, dan menghalang pesalah bercakap atau mengganggu anda.

**M**ahkamah boleh memerintahkan pampasan untuk gantirugi yang ditanggung anda disebabkan keganasan rumah tangga. Mahkamah boleh memerintah anda atau pesalah mendapatkan khidmat kaunseling.